

Kerajaan Akan Terus Komited Majukan Masyarakat India Di Malaysia – Zahid Hamidi
ZAHID HAMIDI – Deputy Prime Minister of Malaysia
October 22, 2016
By Admin

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, kerajaan akan terus komited menghapuskan kadar kemiskinan dalam kalangan masyarakat India termasuk menangani isu keciciran pendidikan khususnya di peringkat sekolah menengah dalam usaha memajukan komuniti itu.

Zahid Hamidi berkata, dalam usaha mencapai matlamat itu, kerajaan serius mengekang mereka dalam terjebak dengan gangsterisme.

“Tidak ada bangsa yang mahu menjadi gangster. Selagi saya menjadi Menteri Dalam Negeri, saya akan bekerja keras membanteras gangster kerana kita mahu negara ini aman,” katanya ketika berucap melancarkan program Ethirkalam ‘Victory for the Future’ di Dewan Sanmarka Orang India, Hutan Melintang di sini, hari ini.

“Dalam perbincangan yang diadakan sebelum ini, kita mahu masyarakat India di negara ini mempunyai pekerjaan sekali gus mengelak daripada aktiviti gangsterisme.

Menurut Zahid Hamidi, kerajaan, pemimpin masyarakat India dan badan bukan kerajaan (NGO) juga mempunyai pelbagai rancangan untuk menjaga kelangsungan status sosial dan kebajikan komuniti India di negara ini.

Beliau meminta parti politik dan NGO yang mewakili masyarakat India di negara bersatu supaya hak dan kebajikan kaum itu terus dibela.

“Ketepikanlah sebarang perbezaan politik, agama, budaya, bangsa tidak kiralah Telegu, Tamil, Malayalam ataupun Punjabi...bersatu padulah dalam kehidupan dan harus mengetepikan semua perbezaan.

“Kita berada di bumi Malaysia, keturunan itu penting tetapi yang lebih penting, kita adalah rakyat Malaysia yang taat setia di mana bumi berpijak di situ langit dijunjung,” katanya.

Zahid Hamidi berkata, menerusi bajet yang kerajaan bentangkan, peruntukan sebanyak RM50 juta untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

“Malah, Perdana Menteri turut memberikan peruntukan yang lebih besar untuk pinjaman mikrokredit dan saya harap masyarakat India yang ada bakat menjadi usahawan, gunakan ini untuk majukan diri dan keluarga,” katanya.

Pada majlis itu, Zahid Hamidi turut mengumumkan bantuan RM100,000 kepada Pusat Sri Murugan bagi melaksanakan aktiviti di SJKT Barathi dan SJKT Tun Sambathan bagi tempoh dua tahun mulai tahun ini.

Copyright of Blog at WordPress.com.

Source: <https://zahidhamidi.com/2016/10/22/kerajaan-akan-terus-komited-majukan-masyarakat-india-di-malaysia-zahid-hamidi/>